



Bil (198) dlm. KSMB/ADMIN/118/2020
16 November 2020

Semua Anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)
Semua Kakitangan Ibu Pejabat dan Subsidi Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)
Orang Perseorangan Bukan Anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Tuan,

**TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI - MERCEDES BENZ
MODEL E250CGI (W212) A**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) bercadang untuk menjual 1 unit kenderaan terpakai Mercedes Benz no. pendaftaran CDU 1967. Butiran seperti di lampiran :

No Pendaftaran : CDU 1967

Model/tahun Dibuat : MERCEDES BENZ E250CGI (W212) A / 2012

Tempat : Ibu Pejabat Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Harga Lantai : RM 70,000.00

Deposit : 10% daripada harga tawaran (bank deraf sahaja)

2. Kepada yang berminat untuk melihat kenderaan tersebut bolehlah datang ke Ibu Pejabat KOSMA bermula 16 November 2020 sehingga 23 November 2020 pada hari bekerja dari pukul 8.30 pagi sehingga 4.00 petang di alamat Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA), B-8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang.

3. Setiap seorang dibenarkan mengemukakan satu tawaran sebutharga sahaja. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi beserta deposit hendaklah dimasukkan ke sampul surat bermeteri dengan menulis nombor dan tajuk sebutharga di sudut atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Pentadbiran, Ibu pejabat KOSMA, B-8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang. Dokumen yang lewat diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan tidak akan dipertimbangkan.

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **23 November 2020 jam 5.00 petang.**

Sekian, terima kasih.

Yang benar

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD



ENCIK MOHD SHAFIRUN BIN MOHD AZBA

Pengurus Besar

- s.k. YH Dato' Pengerusi KOSMA
 YH Dato' Timbalan Pengerusi KOSMA
 Tuan Drs Setiausaha KOSMA
 YH Dato' Bendahari KOSMA
 YH Pengerusi Jawatan Pengurusan Aset dan Inventori

MUSTAHAK - LIHAT SYARAT - SYARAT AM

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. **KEADAAN KENDERAAN**

Kenderaan adalah dijual sepertimana keadaan kenderaan berada sekarang (as-is-where-is-basic).

2. **HARGA**

Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

3. **DEPOSIT**

Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran kenderaan di atas. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang / bank draf atas nama "**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**".

4. **KOS-KOS LAIN**

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menaggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebutharga sendiri.

5. **TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

6. **HAK KOSMA UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Tender / Pengurusan KOSMA adalah Muktamad.

7. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

- a. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang dicatatkan dengan bilangan **KOSMA:T1/2020** serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga.
- b. Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- c. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **empat (4) minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.

9. **TEMPOH MENGAMBIL KENDERAAN**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh **satu (1) minggu** setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah di anggap terbatal.

**BORANG SEBUTHARGA BAGI TAWARAN PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI
(KOSMA:T1:2020) KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)**

Setiausaha,
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)
B-8032, Sri Kuantan Square,
Jalan Teluk Sisek,
25000 Kuantan, Pahang.

Tuan,

**TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI MERCEDES BENZ CDU 1967
(KOSMA:T1/2020)**

Merujuk perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebutharga tersebut. Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membeli kenderaan tersebut dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia :
..... (RM.....)

2. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 10 % daripada harga tawaran kenderaan di atas) yang bernilai RM..... (Ringgit Malaysia :.....
.....) dalam bentuk kiriman wang / bank draf atas nama Koperasi Serbausaha Makmur Berhad.

3. Saya / syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Tempoh mengambil kenderaan ialah **4 minggu dari surat tawaran di keluarkan.**

Bertarikh pada haribulan 2020.

.....

Tandatangan Penyebutharga

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :